



## **KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Di Negara yang sebahagian besarnya penduduk beragama Islam daripada berbagai puak serta dengan tradisi, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah mengadakan program latihan dalam bidang perguruan Islam di peringkat Pengajian Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda, Diploma Tertinggi, dan Diploma, ijazah lanjutan dan kursus-kursus serta mengadakan kajian dan penyelidikan ilmiah dan menyebarluaskan hasil pengalaman, penemuan dan penyelidikan dalam bidang pengajaran pembelajaran menerusi penerbitan.

Visi Kolej Universiti ini ialah untuk mencapai kemuliaan akhlak dan kecemerlangan ilmu perguruan ugama yang terbilang di Alam Melayu bertaraf antarabangsa serta Misi untuk memartabatkan pengajian perguruan ugama bagi melahirkan pendidik berjati diri melalui penginterasian ilmu, latihan, kajian, perkhidmatan, keterampilan dan teknologi berasaskan prinsip-prinsip Islam Konsep Melayu Islam Beraja dan falsafah pendidikan Negara.

Sebagai sebuah Kolej Universiti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, KUPU SB mempelawa calon-calon yang berkelayakan untuk mencapai Misi dan Visi berkenaan bagi melahirkan sumber tenaga manusia sebagai hamba dan khalifah yang berwibawa dalam pendidikan perguruan Islam, untuk membentuk masyarakat dan bangsa yang berilmu, beramal dan bertaqwa menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jama'ah bermazhab Syafi'e.

Permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik kejawatan berikut: -

- **JAWATAN** : Profesor Madya
- **BAHAGIAN** : 2
- **TANGGAGAJI** : PT4 (\$6800 EBKhas \$7010)
- **KEKOSONGAN JAWATAN** : 2 Kekosongan
- **SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:** -

### **SYARAT KELAYAKAN: -**

- i. Sebagai keperluan utama, mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti /pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan) dan terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama sebagai kelebihan) dari universiti/fakulti universiti/pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ph.D dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

- Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Penolong Kanan Profesor dalam tanggagaji PT3 selama tidak kurang dari tiga (3) tahun; memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan untuk jawatan ini dari segi pengajaran, penyelidikan, penerbitan buku-buku akademik, sumbangan di dalam jurnal ‘refereed journal’, pentadbiran, penyeliaan tesis Ijazah Sarjana, perkhidmatan kepada masyarakat dan lulus penilaian bagi jawatan ini oleh panel dalaman dan panel bebas dari luar.

## ATAU

Memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- Mempunyai pengalaman yang cukup lama sebagai tenaga akademik di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dan memegang jawatan yang sebanding dengannya;
- Mempunyai rekod dan reputasi cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan;
- Telah memegang jawatan yang sebanding dengannya bagi tempoh yang bersesuaian;
- Didalam penyelidikan TELAH menghasilkan tulisan-tulisan akademik yang diterbitkan di dalam ‘refereed journal’ atau sumbangan bab atau ‘chapter’ di dalam buku-buku akademik DAN menghasilkan buku-buku akademik yang telah mendapat pengiktirafan dan penilaian akademik;
- Membuat penyeliaan tesis Ijazah Sarjana secara konsisten;
- Menghasilkan kertas-kertas akademik bagi seminar/persidangan serantau/antarabangsa yang bertaraf tinggi
- Selain dari kecemerlangan didalam pengajaran dan penyelidikan, juga membuktikan kebolehan didalam pengurusan Jabatan atau Fakulti didalam jawatan seperti Ketua Jabatan atau Dekan atau Penolong Dekan.
- Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi ditahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

## **TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN**

1. Perlantikan akan melalui perkhidmatan kontrek untuk tempoh tiga tahun yang boleh diperbaharui di atas persetujuan bersama.
2. Kedudukan gaji dan elauan yang ditawarkan seperti berikut: -
  - a) Profesor Madya - BND\$6,800.00 sebulan / BND\$81,600.00 setahun  
Elaun Akademik - BND\$500.00 sebulan
3. a) Bonus diberikan  $\frac{1}{2}$  bulan gaji selepas setiap 12 bulan perkhidmatan memuaskan.  
b) Ganjaran baksis 25% daripada gaji akhir  $\times$  36 bulan pada akhir kontrak.

1. Lain-lain faedah: -
  - a) Elaun Pelajaran dan Tambang bagi Anak-anak.
  - b) Melanggan Perumahan (pekerja menyumbang B\$130.00 sebulan)
  - c) Perkhidmatan Perubatan dan Pergigian Percuma di Hospital Kerajaan.
  - d) Faedah pinjaman kereta percuma.
  - e) Cuti tahunan sebanyak 48 hari setahun.
  - f) Elaun Perjalanan dan Tambang.
  - g) Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan peribadi di Negara Brunei Darussalam.
2. Yang dilantik akan menyumbang kepada aktiviti penyelidikan Kolej Universiti menerusi pembiayaan yang disediakan kerajaan dan swasta.

#### **PEMBERITAHUAN**

1. Penggunaan Borang KUPU SB/P2 serta keterangan lanjut boleh diperolehi di Pejabat Pendaftar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan atau melayari laman web: [www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn).
2. Pemohon hendaklah melengkapkan borang KUPU SB/P2 dan menyertakan salinan-salinan Surat Beranak, Kad Pintar, Surat-Surat Akuan, sijil-sijil yang berkenaan, kurikulum vites komprehensif dan sekeping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut:

#### **PENDAFTAR**

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN  
KM 2, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA,  
BANDAR SERI BEGAWAN, BA 2111,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
atau melalui email  
[pendaftar@kupu-sb.edu.bn](mailto:pendaftar@kupu-sb.edu.bn)

**Tarikh Tutup Iklan: HARI SABTU, 27 JUN 2020**

Rujukan Iklan: KUPU SB/PJW/01/2020

Note: -

Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman web Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan di [www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn). Permohonan hendaklah sampai di alamat di atas sebelum 27 Jun 2020, hanya calon-calon yang disenarai pendek akan dipertimbangkan dan akan dimaklumkan kemudian mengenai butiran berhubung dengan temuduga.